

Tugas utama Massutra kumpul bahan2 seni reka

DENGUNGAN paluan gong semasa perasmian Majlis Seni Reka dan Sukan Tradisional (Massutra) lewat tahun lalu telah lama berlalu.

Malah, sejak ketika itu tiada langsung kedengaran berita tentang majlis yang ditubuhkan dengan tujuan untuk mengekalkan warisan tradisi untuk mengelakkannya ditelan zaman.

Tetapi, dengan diam-diam, Majlis tersebut rupa-rupanya telah melakarkan berbagai kegiatan yang ditujuan untuk mencapai matlamat tersebut.

YACOB MOHAMMAD PERSEKUTUAN Gasing Singapura (Fedegasi), (Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Persekutuan Amatur Sepaktakraw Singapura (Perses) — telah diminta menghasilkan kertas kerja mereka mengenai apa yang disifatkan sebagai warisan tradisional dalam bidang masing-masing.

29 MAY 1985
Dua orang anggota perseorangan juga diminta menghasilkan kertas kerja dalam bidang masing-masing iaitu seni tembikar dan seni lukis.

MAFOOT MOSS SIMON dan MOHD KAMSAH SIRAT meninjau usaha-usaha "senyap-senyap" Massutra itu.

MENGUMPULKAN bahan-bahan seni reka dan sukan tradisional Melayu yang tulen dan yang sebenar untuk dijadikan bahan pameran, pengetahuan dan bimbingan generasi akan datang.

Itulah tugas pertama dan utama Majlis Seni Reka dan Sukan Tradisional (Massutra) pada masa ini.

Setiap anggota majlis tersebut telah digesa supaya menyediakan bahan-bahan itu.

Mereka juga telah digesa supaya menyiapkan sebuah kertas kerja mengenai bidang mereka sendiri tentang berbagai cadangan mengenai apa yang

ingin mereka capai melalui Massutra yang dipanggil aringnya.

Encik Arif selanjutnya berkata: "Kesalahan itu harus diperbaiki supaya tidak berlanjutan dan para pelawat dan generasi muda akan dapat melihat alat-alat yang sebenarnya."

29 MAY 1985
Kemahiran

Dalam usaha untuk mengelakkan keadaan itu dari berterusan, setiap anggota Massutra telah diberikan tugas khas. Perses telah ditugaskan untuk membuat sepaktakraw dan sepakraga.

"Tetapi buat masa ini Perses belum mempunyai pakar yang mahir dalam membuat bola tersebut untuk menumpahkan kemahiran mereka dalam bengkel," katanya.

Bagi Persisi pula, Encik Arif berkata, Haji Ya'acob telah mencadangkan supaya ia membuat bentuk pakaian berbagai jenis silat baik dalam bentuk sebenar atau modelnya.

"Persisi juga telah digesa supaya mendapatkan pakar-pakar yang mengetahui tentang ikatan-ikatan tanjak, kain samping dan sebagainya kerana beliau mendapati ada orang sekarang yang memakai samping yang digunakan oleh pelayan bukan raja.

Keanggotaan

"Mereka tidak boleh disalahkan kerana tidak ada orang yang memberi

tunjuk ajar pada masa ini," tambahnya.

Encik Arif kemudian berkata, Persisi juga telah diarahkan supaya menyediakan dua jenis keris dan senjata-senjata Melayu yang lain. Pertama, sebagai bahan seni reka untuk jualan dan kedua sebagai bahan contoh.

Beliau berkata bahan contoh itu mestilah merupakan bentuk keris atau senjata yang betul untuk dijadikan bahan pameran dalam bilik pameran Kampung Melayu yang bakal dibina itu.

Bagi Fedegasi pula, kata Encik Arif lagi, ia telah diarahkan supaya menyediakan beberapa jenis gasing iaitu gasing seni reka dan gasing pertandingan.

Encik Arif Zahari berkata, pada masa ini Massutra mempunyai dua jenis keanggotaan — anggota pendiri dan anggota seniman.

Seni tembikar

Anggota pendiri adalah tiga buah persatuan yang menjadi tulang belakang Massutra sekarang iaitu Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Federasi Gasing Singapura (Fedegasi) dan Persekutuan Amatur Sepaktakraw Singapura (Perses).

Beliau selanjutnya berkata, Massutra kini mempunyai beberapa orang anggota seniman termasuk Encik Iskandar Haji Abdul Jalil, Encik Mohamed Abdul Kadir, Haji Sukaimi Ibrahim dan beliau sendiri.

Encik Iskandar memang terkenal kerana kemahiran beliau dalam bidang seni tembikar, Encik Mohamed yang lebih terkenal sebagai Mohder dalam bidang seni lukis, Haji Sukaimi dalam bidang menganyam janur dan Encik Arif dalam bidang gasing.

29 MAY 1985
Generasi muda

Kertas kerja yang bakal disiapkan nanti akan diserahkan kepada Urusetia Massutra yang kemudiannya akan menyediakan sebuah kertas kerja yang lebih luas mencangkun beberapa bidang lain seperti pentadbiran, kewangan, kerja dan cara mendapatkan bahan seni reka.

Bahan-bahan seni reka dan sukan tradisional Melayu yang tulen dan sebenar itu akan dijadikan bahan pameran tetap dalam bilik pameran Perkampungan Melayu yang bakal dibina di Geylang Serai.

Haji Ya'acob Mohamed, Presiden Massutra, berharap bahan-bahan itu nanti bukan saja akan menjadi bahan pengeta-

29 MAY 1985

huan tentang seni reka dan sukan tradisional untuk para pelawat malahan untuk generasi muda Melayu Singapura sendiri.

Menerangkan usah-usaha Massutra itu, Penolong Setiausaha Agungnya, Encik Arif Zahari berkata: "Setiap anggota diharapkan akan dapat menyediakan contoh-contoh bahan dalam membuat alat-alat berkenaan — baik bahan permainannya atau bahan tulisannya."

Kesalahan

Memberikan contoh tentang bahan-bahan yang tidak tulen atau asli, Encik Arif berkata beliau telah melihat beberapa hasil tulisan penulis Barat yang memberikan nama yang salah kepada beberapa bahagian keris.

Misalnya bahagian yang sebenarnya dipanggil lambir gajah kini telah bertukar menjadi lambai gajah sementara kembang kacang menjadi kambing kacang.

"Masalahnya, kesalahan itu telah berkembang bila para penulis baru mengambil contoh yang salah daripadanya," katanya.

Beliau juga telah melihat sebuah buku yang menggambarkan tentang sebilah keris yang mempunyai bentuk yang terbalik.

Menurut beliau, hulu keris sebenarnya dibentuk menghadap bahagian yang dipanggil dagu.

Tetapi, hulu keris yang dilihatnya dalam sebuah majalah terkenal menunjukkan hulunya menghadap pada bahagian